

204

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI
WANG [KOTA SAMARAHAN]**

NO. SOALAN : 392

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan :-

- a) status terkini kelulusan pelaksanaan sambungan projek Bekalan Air Luar Bandar Asajaya Fasa I kepada Fasa II; dan
- b) tindakan segera Kementerian mengatasi masalah bekalan air bersih bagi 28 buah kampung di daerah Serian, Sarawak dalam kawasan Parlimen Kota Samarahan.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian tidak dapat mempertimbangkan projek projek Bekalan Air Luar Bandar Asajaya Fasa I kepada Fasa II kerana di luar skop program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di mana skop utama projek tersebut melibatkan kerja-kerja menaiktaraf paip dan tiada rumah baharu yang masih belum menerima bekalan air bermeter di kawasan ini.

Bagi mengatasi masalah bekalan air bersih bagi 28 buah kampung di daerah Serian, pihak Kementerian akan sentiasa membantu Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) dalam memperluaskan liputan air di kawasan luar bandar, khususnya di negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada senarai keutamaan Unit Perancang Negeri (SPU) Sarawak.

Selain itu, syarat keperluan skop dan kriteria program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) perlu dipatuhi bagi membolehkan projek yang dicadangkan dapat dilaksanakan di bawah Program BALB.